



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1313

AKTA KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2007

Tarikh Perkenan Diraja	29 Ogos 2007
Tarikh Penyiaran dalam <i>Warta</i>	30 Ogos 2007

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA A1313**

Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

[]

BAHAWASANYA kebersihan ialah suatu perkara dalam Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan;

DAN BAHAWASANYA perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam sekarang ini ditadbirkan oleh pelbagai pihak berkuasa tempatan;

DAN BAHAWASANYA dihasratkan supaya ada undang-undang dan dasar yang seragam dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan;

DAN BAHAWASANYA bagi maksud keseragaman itu kuasa eksekutif diletakhakkan pada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta*];

DAN BAHAWASANYA adalah suai manfaat Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, suatu Akta yang diperbuat menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, dipinda berbangkit daripada peletakhakkan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (1) Perkara 74, Fasal (4) Perkara 76 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007.
(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
(3) Akta ini mula berkuat kuasa di sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan persetujuan Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta Negeri*, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini dalam kawasan atau bahagian yang berlainan di Negeri itu.
(4) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 22

2. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dipinda dalam subseksyen 22(2)—

(a) dalam perenggan (*bb*), dengan memotong perkataan “dan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (*bb*) perenggan yang berikut:

“(bc) peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta*]; dan”.